



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 35/2001

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3695100 Fax: 03-3685289 E-mail: kpgr@marine.gov.my

<http://www.marine.gov.my>

TARIKH PEPERIKSAAN PERAKUAN KEKOMPETENAN
BAGI TAHUN 2002
CERTIFICATE OF COMPETENCY EXAMINATION DATES FOR
THE YEAR 2002

Pemakluman kepada pemilik kapal, nakhoda, Pegawai Dek, anak kapal serta mereka di Pusat Latihan Maritim

Information to shipowners, masters, deck officers, ratings and those concerned in the maritime training institutions

Kaedah-kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dirujuk.

The Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999 is referred.

Dengan ini dimaklumkan bahawa tarikh-tarikh peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan Laut untuk Dek dan Injin bagi tahun 2002 adalah seperti didalam Lampiran.

This is to notify that the examination dates for the year 2002 for Certificate of Competency Deck and Engine is as per the Attachment.

2 Sekiranya tarikh peperiksaan jatuh pada hari Kelepasan Am, peperiksaan tersebut akan diadakan pada hari berikutnya.

2 *In the event of an examination date falling on a public holiday, the examination date will be forwarded to the following working day.*

3 Semua permohonan untuk mengambil peperiksaan bertulis dan/atau lisan di Jabatan Laut haruslah dikemukakan di pusat-pusat peperiksaan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Laut Sarawak (Kuching) atau Jabatan Laut Sabah (Kota Kinabalu), pada atau sebelum 10hb pada bulan sebelum jatuhnya tarikh/bulan peperiksaan berkaitan.

3 *All applications for the written and/or orals examination conducted at the Marine Department has to be forwarded to either the Peninsular Malaysia Marine Department examination centres, Marine Department Sarawak (Kuching) or Marine Department Sabah (Kota Kinabalu) on or before the 10th of the month prior to the examination date/month.*

4 Merujuk kaedah 10 dan 12 dalam Kaedah-kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999, seseorang harus memiliki perakuan sebagai pegawai yang menjaga awasan pelayaran sebelum beliau boleh

4 *As per Rule 10 and 12 of the Merchant Shipping(Training and Certification) Rules 1999, any applicant who wish to sit for the Chief Mate on ships less than 3000GT near coastal or for Chief Mate on ships more than 3000GT near*

menduduki peperiksaan ketua mualim diatas kapal kurang dari 3000GT pelayaran dagang persisiran pantai atau untuk peperiksaan ketua mualim diatas kapal 3000GT atau lebih pelayaran dagang persisiran pantai.

5 Merujuk kaedah 18 dan 20 dalam Kaedah-kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999, seseorang harus memiliki perakuan sebagai pegawai yang menjaga awasan kejuruteraan sebelum beliau boleh menduduki peperiksaan pegawai jurutera kedua diatas kapal kurang dari 3000kW pelayaran dagang persisiran pantai atau untuk peperiksaan pegawai jurutera kedua diatas kapal 3000kW atau lebih pelayaran dagang persisiran pantai.

6 Seseorang yang ingin menduduki peperiksaan lisan di Jabatan Laut hanya boleh menduduki peperiksaan tersebut selepas beliau telah tamat dengan jayanya kursus persediaan peperiksaan di pusat latihan yang diluluskan.

coastal examination shall be the holder of the certificate for officer in charge of a navigational watch.

5. As per Rule 18 and 20 of the Merchant Shipping(Training and Certification) Rules 1999, any applicant who wish to sit for the second engineer officer on ships less than 3000kW near coastal or for second engineer officer on ships more than 3000kW near coastal examination shall be the holder of the certificate for officer in charge of an engineering watch.

6. Any applicant who applies for the orals examination can only attend the examination after he has successfully attended the preparatory course at an approved training centre.

Ketua Pengarah Laut/ *Director General of Marine*

Tarikh : 11hb Disember 2001